

MAHATHIR - BERKECUALI

(EMBARGO: UNTUK SIARAN SELEPAS JAM 2300 HARI INI, 11 MAC)

(I)

1985

KUALA LUMPUR, 11 MAC (BERNAMA) -- MALAYSIA MALAM INI MELAHIRKAN PANDANGAN BERATNYA TERHADAP KECENDERONGAN PERGERAKAN NEGARA-NEGARA BERKECUALI AKHIR-AKHIR INI YANG BERGERAK KE ARAH FAHAMAN RADIKAL DAN BERGABUNG SECARA BERSEMBUNYI.

PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA HANYA DENGAN MENGIKUTI HALUAN BERKECUALI, BARULAH KEWIBAWAAN PERGERAKAN ITU DAPAT DIPERTAHANKAN.

BELIAU BERUCAP DEMIKIAN DI MAJLIS JAMUAN RASMI MERAIKAN PERDANA MENTERI YUGOSLAVIA YANG SEDANG MELAWAT NEGARA INI PUAN MILKA PLANINC.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA BELIAU GEMBIRA MENDAPATI BELGRADE DAN KUALA LUMPUR SAMA-SAMA BERASA BIMBANG DAN TELAH MELAHIRKAN HASRAT UNTUK MELIHAT PERGERAKAN ITU KEMBALI KEPADA MATALAMAT DAN PRINSIP ASALNYA.

BELIAU BERKATA MALAYSIA YAKIN YUGOSLAVIA, SEBAGAI SALAH SEBUAH NEGARA PENGASAS PERGERAKAN NEGARA BERKECUALI YANG PALING DIHORMATI, AKAN MELAKUKAN SEGALA USAHA BAGI MENENTUKAN PRINSIP ASAL PERGERAKAN ITU DIKEKALKAN.

+PERANAN POSITIF YANG DIMAINKAN OLEH YUGOSLAVIA, KHUSUSNYA OLEH MENDIANG PRESIDEN TITO, KE ARAH KEMAJUAN, PEMBANGUNAN DAN PERPADUAN PERGERAKAN ITU AKAN SENTIASA DIINGATI DAN DISANJUNG OLEH SEMUA NEGARA ANGGOTA,+ UJAR BELIAU.- LAGI.

2007MST 11 03 85

U B810 AAB

MAHATHIR - BERKECUALI 2 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

(I)

MENGENAI KAMPUCHEA, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA MALAYSIA MENGHARGAI SOKONGAN YUGOSLAVIA TERHADAP KERAJAAN CAMPURAN DEMOKRATIK KAMPUCHEA DI BAWAH PIMPINAN PUTERA NORODOM SIHANOUK.

KEDAULATAN NASIONAL DAN KEWIBAWAAN WILAYAH KAMPUCHEA TELAH DICEROBOHI DENGAN PERBUATAN SEWENANG-WENANGNYA YANG MENAKIBATKAN KEAMANAN DAN KESTABILAN ASIA TENGGARA TERANCAM.

BELIAU BERKATA CADANGAN NEGARA INI BAGI PEWUJUDAN KAWASAN AMAN, BEBAS DAN BERKECUALI (ZOPFAN) DI RANTAU INI SERUPA DENGAN PERANAN BELGRADE DALAM MENGGESA PERLAKSANAAN FASAL-FASAL DALAM DOKUMEN MUKTAMAD PERSIDANGAN KESELAMATAN DAN KERJASAMA DI EROPAH.

MENGENAI PERLUCUTAN SENJATA, BELIAU BERKATA SEMENTARA SEJUMLAH BESAR WANG DAN SUMBER TELAH DISALURKAN UNTUK PEMBANGUNAN DAN PENGELUARAN SENJATA NUKLIAR DAN KONVENSIONAL, KEMISKINAN DAN

KEBULURAN MASIH MELANDA BERATUS-RATUS JUTA PENDUDUK DUNIA.
SEMUA NEGARA BERKENAAN HENDAKLAH MEMBAHARUI KOMITMEN TERHADAP
PROGRAM MENYELURUH PERLUCUTAN SENJATA SECARA AM, KATANYA. - LAGI.

MAHATHIR - BERKECUALI 3 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

(I)

PERDANA MENTERI JUGA BERCAKAP MENGENAI PERLUNYA USAHA YANG LEBIH
DESAR DI PERINGKAT ANTARABANGSA DALAM MEMBANTU RAKYAT PALESTIN
MENDAPATKAN HAK MEREKA YANG SAH UNTUK TINGGAL DI TANAH AIR MEREKA
SENDIRI DAN PENGUNDURAN TENTERA ASING DARI AFGHANISTAN BAGI
MEMBOLEHKAN RAKYATNYA MENIKMATI SEMULA KEMERDEKAAN DAN KEDAULATAN,
BEBAS DARIPADA CAMPUR TANGAN DAN GANGGUAN ASING.

MENGENAI PERANG IRAN-IRAQ, BELIAU BERKATA MALAYSIA AKAN
MEMAINKAN PERANAN AKTIF DAN AKAN MENYOKONG SEGALA USAHA UNTUK
MEMBAWA KEAMANAN DI KAWASAN TELUK ITU.

BERHUBUNG DENGAN SOAL ANTARTICA, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA
BELIAU BERHARAP YUGOSLAVIA DAPAT MEMAINKAN PERANAN POSITIF DALAM
MEMUPUK KERJASAMA ANTARABANGSA YANG LEBIH LUAS BAGI MENJAMIN BENUA
ITU DIKENDALI DAN DIKUASAI DEMI KEPENTINGAN MANUSIA SEJAGAT.

BAGI KERJASAMA DUA PIHAK PULA, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA
SEDANG KERJASAMA YANG BERMAKNA WUJUD ANTARA KEDUA-DUA BUAH NEGARA.
FIRMA-FIRMA DI YUGOSLAVIA DAN MALAYSIA JUGA HENDAKLAH MEREKUT
PELUANG YANG DITAWARKAN DALAM BIDANG PERDAGANGAN, USAHA SAMA DAN
PELABURAN.

KETIKA MENYAMBUK BAIK KEPUTUSAN YUGOSLAVIA MENGADAKAN PAMERAN
DAN SEMINAR MENGENAI TEKNOLOGI DAN INDUSTRI YUGOSLAVIA DI SINI BULAN
DEPAN, BELIAU BERKATA PERISTIWA ITU AKAN MENIMBULKAN KESEDARAN LEBIH
MENDALAM TERHADAP BARANG KELUARAN DAN TEKNOLOGI YUGOSLAVIA DI
KALANGAN RAKYAT MALYSIA. KHUSUSNYA MASYARAKAT PENIAGA. - BERNAMA.

D359